

# Kakitangan JPNP didedah kemahiran komputer

**KUANTAN:** Penguasaan dan kemahiran menggunakan komputer memberi kelebihan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melakukan pelbagai tugas terutama berkaitan pelan kawasan hutan dengan berkesan.

Justeru, kursus dan latihan sentiasa dianjurkan dalam usaha memberi lebih kemahiran kepada setiap kakitangan di semua peringkat yang diberi tanggungjawab berkenaan.

Pengawas Hutan Bahagian Penguat Kuasa JPNP, Norsulawati Bakar, 29, berkata kemahiran menggunakan komputer dianggap penting untuk menghasilkan pelan terbaik seterusnya mengikut ukuran yang tepat,

Beliau berkata, penguasaan kemahiran menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dapat menghasilkan pelan yang tepat tanpa perlu mengambil masa berbanding penggunaan kaedah lama.

"Pada peringkat awal menggunakan perisian GIS ini menimbulkan pelbagai masalah terutama membabitkan mereka yang tidak mahir menggunakan komputer selain maklumat lokasi tidak lengkap.

"Namun, menerusi latihan



IMRAN MAKHZAN | BERITA HARIAN

**PENOLONG** Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Faizah Atan (dua dari kiri) mengajar peserta menghasilkan pelan di Pusat Latihan Pembangunan Hutan Belimbing, Kuantan.

serta kursus diadakan, kami dapat memahirkan penggunaannya seterusnya dapat menguasai sepenuhnya teknologi berkenaan," katanya ketika ditemui pada majlis penutup kursus GIS Siri 1/2010 oleh Timbalan Pengarah JPNN, Datuk Mohd Khairi Mohd Nasib di Pusat Latihan Pembangunan Hutan (PLPH) Belimbing, dekat sini, baru-baru ini.

Seramai 30 kakitangan JPNN seluruh negeri menyertai kursus tiga hari itu yang dikendalikan Bahagian Teknologi Maklumat JPNN.

Pengawas Hutan Unit Ki-

lang jabatan itu, Wan Azman Wan Razali, 40 berkata, latihan dalam kursus itu membantu meningkatkan mutu kerja dan perkhidmatan jabatan.

Halijah Ahmad Ropai, 32, pula berkata, kemahiran menggunakan perisian GIS memudahkannya menghasilkan pelan kawasan yang diwartakan sebagai hutan lipur di negeri ini.

Sementara itu, Mohd Khairi berkata, JPNN juga akan mengadakan latihan menggunakan komputer di balai pemeriksaan di setiap daerah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.